

03 OCT 2002

Mahathir-Pesawat/I

MALAYSIA BERI KERJASAMA PENUH KEPADA RAKAN KONGSI ASING

MELAKA, 3 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia akan memberi kerjasama penuh kepada rakan kongsi asing dalam mencapai cita-citanya untuk menjadi negara maju menjelang 2020.

Perdana menteri berkata, sebaliknya rakan kongsi asing yang melabur di Malaysia diharap turut memainkan peranan mereka dalam memajukan negara ini khususnya dalam bidang teknologi.

"Objektif kita menjelang tahun 2020 ialah untuk menjadi negara maju dengan memiliki kemampuan dalam bidang industri, sesuai dengan kebolehan sebuah negara maju dalam bidang tertentu, lebih baik lagi dalam semua," katanya semasa merasmikan kilang Composite Technology Research Malaysia (CTRM) di Batu Berendam di sini hari ini.

Dr Mahathir juga menyaksikan majlis menandatangani kontrak bernilai RM800 juta untuk mereka bentuk dan membuat panel bawah pesawat Airbus A380 antara CTRM dan Airbus.

Kontrak itu ditandatangani oleh ketua pegawai eksekutif CTRM Abdul Malek Packeer bagi pihak CTRM manakala Airbus diwakili naib presidennya Ray Wilson.

Turut menyaksikan upacara itu ialah Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan pengerusi CTRM, Tan Sri Zahiruddin Idrus.

Dr Mahathir berkata: "Kita perlu pertingkatkan kemahiran pekerja kita supaya ia memberi manfaat kepada rakan kongsi kita dari luar negara.

"Kita percaya, jika kita terus mencuba, kita akan memperolehi kemahiran yang diperlukan, dan kemudian kita akan memiliki daya saing seperti orang lain di dunia."

Dr Mahathir berkata Malaysia mampu melakukan hampir apa saja "jika kita mencuba dengan berbekalkan semangat Malaysia Boleh."

Katanya Malaysia ingin bekerjasama dengan rakan kongsi asing kerana "kita tahu, kita perlu banyak belajar dalam pelbagai bidang, khususnya dalam bidang teknologi."

Dr Mahathir berkata beliau berasa amat bangga dengan kepercayaan yang diberikan oleh Airbus kepada CTRM sejak 12 tahun lepas.

"Ini merupakan pencapaian penting kerana bahagian kapal terbang adalah amat penting dan memerlukan standard bertaraf dunia untuk menghasilkannya," katanya.

-- BERNAMA

NO TS SP MAI